

Persepsi Pelajar Jabatan Teknik Dan Kejuruteraan Terhadap Pelaksanaan Program Latihan Industri Fakulti Pendidikan.

Norani Bte Mohd Noor & Lokman Bin Baiman
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi pelajar Fakulti Pendidikan terhadap program latihan industri yang telah mereka jalani. Objektif kajian merangkumi beberapa bahagian, iaitu terhadap kesesuaian tempat latihan industri, penerapan sikap kerja, kesesuaian program di universiti dengan pengetahuan dan kemahiran di tempat latihan industri, penerapan kemahiran generik, dan akhir sekali penilaian latihan industri. Kajian berbentuk deskriptif ini melibatkan seramai 69 orang pelajar yang telah menjalani latihan industri daripada kursus Pengajian Teknologi serta Pendidikan di Jabatan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Instrumen kajian mengandungi sejumlah 41 item. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach ialah 0.7368, dan pengesahan item telah dilakukan bersama-sama dengan pakar yang terlibat. Datadata yang dikumpul seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) For Windows Version 12*. Hasil kajian yang diperolehi melalui kajian ini mendapati bahawa soalan-soalan kajian yang diutarakan adalah berada pada tahap kesetujuan yang tinggi kecuali soalan kajian mengenai kesesuaian program di universiti dengan pengetahuan dan kemahiran di tempat latihan industri berada pada tahap sederhana. Soalan kajian yang dikategorikan sebagai berada pada tahap tinggi ialah kesesuaian tempat latihan industri, penerapan sikap kerja, penerapan kemahiran generik dan penilaian latihan industri. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan bahan atau sumber rujukan yang dapat dimanfaatkan oleh penyelidik lain dalam penambahbaikan program latihan industri.

Abstract: The common reason this research were done is to know the perception of students from faculty of education towards the industrial training programme which they have done before. The perception were divided into five category, which is ; the suitability of the industrial training were held, working habits, suitability of knowledge and skill from the university compare to the industrial training programme, generic skills, and lastly the evaluation of the industrial training itself. This research were in form of descriptive and the population is among the student that already finish their industrial training program, in courses under the Technics and Engineering Division, Faculty Of Education, University Technology of Malaysia, Skudai, Johor. The total of the is 69 respondent. The instrument used were construct according to the needs of answering the research question. The summation of the items is 41. The value of Alpha Cronbach is 0.7368. The data then were analyst using *Statistical Package For Social Science (SPSS) For Windows Version 12*. In future, the researcher hope that the findings of the data can be used for many good purposes.

Katakunci: latihan industry

Pengenalan

Merujuk kepada matlamat latihan industri yang terkandung dalam buku log latihan industri, tahun 2007, menyatakan bahawa “Melahirkan ahli teknologi yang cekap dan bertanggungjawab kepada penciptanya dan masyarakat”.

Sehubungan dengan itu, pelbagai cara atau kaedah dilakukan untuk mencapai matlamat berkenaan. Antaranya ialah melalui latihan industri. Menurut Ariffin Haji Zainal, 1985. Latihan Industri boleh meningkatkan kemahiran sedia ada pelajar disamping kemahiran-kemahiran baru. Ini menunjukkan

bahawa untuk memantapkan sesuatu kemahiran, program latihan industri perlu diadakan kerana dengannya pelajar dapat menerapkan kemahiran sedia ada disamping mempelajari kemahiran baru yang tidak mereka perolehi semasa pembelajaran formal.

Pernyataan Masalah

Objektif latihan industri yang telah dibina dan harus dicapai merupakan matlamat penting dalam pelaksanaan latihan industri. Objektif berkenaan dibina oleh mereka yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam menyediakan program-program latihan, namun begitu adalah menjadi sesuatu yang lazim untuk mengetahui pendapat mereka yang terlibat secara langsung dengan latihan industri ini iaitu pelajar. Pelajar yang telah menjalani latihan industri merupakan individu yang paling sesuai untuk menyatakan pendapat dan pengalaman mereka sewaktu menjalani latihan industri kerana mereka yang telah menjalani situasi sebenarnya. Antara perkara yang menjadi persoalan ialah untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap kesesuaian tempat latihan industri, penerapan sikap kerja, kesesuaian latihan industri dengan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di universiti, penerapan kemahiran generik, serta penilaian latihan industri. Pengkaji berminat untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap perkara-perkara berikut. Pendapat dan pengalaman daripada pelajar adalah amat perlu dalam usaha pembaikan system latihan industri ini.

Objektif Kajian

- (i) Mengetahui pasti persepsi pelajar terhadap kesesuaian tempat latihan industri mereka sewaktu menjalani latihan Industri.
- (ii) Mengetahui pasti persepsi pelajar terhadap penerapan sikap kerja
- (iii) Mengetahui pasti kesesuaian program ijazah mereka di universiti dengan pengetahuan dan kemahiran di tempat latihan industri.
- (iv) Mengetahui pasti persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran generik sewaktu menjalani latihan industri
- (v) Mengetahui pasti persepsi pelajar terhadap penilaian latihan industri yang mereka jalani

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kepada beberapa keutamaan dan kepentingan. Apabila kajian ini menjalani proses penamatannya, adalah diharapkan hasil daripada kajian ini akan menjadi suatu rujukan kepada semua yang terlibat secara langsung, terutamanya kepada pelajar dan pihak fakulti yang menyelaras program latihan industri ini.

Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan cermin diri kepada **pelajar-pelajar Sarjana Muda tahun tiga** yang akan menjalani latihan industri supaya menyiapkan siagakan diri daripada pelbagai aspek dan merancang penempatan latihan industri mereka. Dengan adanya hasil kajian ini juga diharapkan agar pelajar-pelajar Jabatan Teknikal tahun satu dan dua menjadikannya sebagai motivasi dan panduan untuk mereka menjalani latihan industri.

Unit Jawatankuasa Latihan Industri, Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan juga bakal memperoleh manfaat daripada hasil kajian ini. Mereka akan menjadi lebih peka sewaktu pengagihan tempat latihan industri kepada pelajar, agar proses latihan industri memenuhi objektif yang telah ditetapkan.

Selain pihak dalaman universiti sendiri, pihak luar seperti industri juga diharapkan mengambil hasil kajian ini untuk membuat rujukan sebagai proses ke arah kerjasama yang lebih erat lagi dengan pihak universiti. Agar kelemahan dan kekurangan yang wujud dapat dihapuskan atau sekurang-kurangnya dapat

dikurangkan. **Pihak industri** juga boleh menjadikan hasil kajian ini rujukan untuk mereka mencari pelajar yang boleh mereka ambil untuk bekerja dengan mereka setelah tamat belajar.

Skop kajian

Dalam kajian ini penyelidik telah membataskan kajian kepada pelajar-pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan UTM yang terdiri daripada kursus Awam, Elektrik, dan Jentera seramai 69.

Metodologi

Sampel Kajian

Populasi kajian adalah pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan, Pengajian Awam, Elektrik, dan Jentera yang telah mengikuti Program Latihan Industri selama lapan minggu yang telah dianjurkan oleh pihak Fakulti Pendidikan. Berdasarkan jumlah populasi yang tidak besar, maka keseluruhan populasi akan dijadikan responden kajian.

Instrumen Kajian.

Instrumen yang digunakan adalah jenis soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah berkenaan dengan maklumat peribadi sampel yang mengandungi lapan soalan dan ianya menggunakan skala binari dan soalan terbuka (bebas-jawab). Bahagian B adalah soalan-soalan berkenaan dengan pengalaman pelajar yang berbentuk Skala Likert.

Menurut Mohd Najib (1999,) soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar. Soalan bebas jawab adalah soalan isikan tempat kosong, soalan senarai semak ialah soalan jenis Thurston di mana subjek hanya memberi jawapan dengan menanda salah satu pilihan jawapan dan soalan skala kadar menggunakan kaedah Likert di mana responden memilih jawapan daripada satu continuum (ekstrem ke ekstrem).

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bagi mengenal pasti kebolehpercayaan soalan. Kajian rintis ini telah dijalankan kepada sembilan orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) UTM yang telah mengikuti program Latihan Industri 2007. Untuk menilai kebolehpercayaan soalan yang terkandung dalam soal selidik, penyelidik telah menganalisis dengan menggunakan kaedah pekali alfa cronbach.

Setelah dianalisis dengan menggunakan SPSS Version 10.0, nilai pekali yang diperolehi adalah 0.74. Menurut Mohd Majid Konting (1994), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan, sehubungan dengan itu soal selidik dalam kajian ini telah melebihi nilai 0.60 dan nilai kebolehpercayaan dalam soal selidik boleh digunakan

Keputusan

Apakah penilaian latihan industri bersesuaian dengan pelajar?

Berdasarkan jadual 1, dapatan kajian menunjukkan peratusan dan kekerapan respon pelajar bagi item-item penilaian latihan industri. Pensyarah pembimbing menyemak buku log latihan industri memiliki nilai kesetujuan yang tinggi iaitu 85.5 peratus (59). 10.1 peratus (tujuh) tidak bersetuju dan empat persepuluh

tiga peratus (tiga) pelajar tidak pasti dengan item berkenaan. Bagi proses perbincangan yang dilakukan oleh pensyarah dan penyelia industri, rata-rata pelajar merasakan penyelia dan pensyarah melakukan perbincangan dengan mereka. Nilai peratusan bagi pelajar yang bersetuju dengan kedua-dua item masing-masing ialah 76.8 peratus (53) dan 63.7 peratus (44).

Jadual 1: Peratusan dan kekerapan respon pelajar terhadap penilaian latihan industri.

Bil	Penilaian Latihan Industri	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	
1.	Penyelia industri melakukan penilaian/ujian mengenai kerja yang pelajar lakukan di tempat latihan industri	9	13	11	15.9	49	71	3.80
2.	Penyelia industri membincangkan hasil penyeliaan latihan industri pelajar.	9	13	7	10.1	53	76.8	3.81
3.	Pensyarah pembimbing membincangkan hasil penilaian latihan industri pelajar.	11	15.9	14	20.3	44	63.7	3.62
4.	Pensyarah pembimbing menyemak buku log latihan industri pelajar semasa lawatan oleh pensyarah.	7	10.1	3	4.3	59	85.5	3.93
5.	Penyelia industri / rakan sekerja memerhati pelajar melakukan sesuatu tugas	8	11.6	9	13	52	75.3	3.83
6.	Gred penilaian latihan industri seharusnya di kira sebagai Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK)	14	20.3	6	8.7	49	71	3.70
Purata								3.78

N = 69

Penyeliaan daripada penyelia industri dan rakan sekerja juga disoal dalam soal selidik yang diedarkan, seramai 75.3 peratus (52) pelajar bersetuju penyelia dan rakan sekerja memerhati pelajar melakukan tugas. Manakala 11.6 (8) menyatakan tidak diperhatikan oleh penyelia dan rakan sekerja. Baki seramai 13 peratus (sembilan) pelajar tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Nilai min yang diberikan ialah 3.83.

Peratusan kesetujuan (71 peratus ; 49) yang sama diperolehi pada item penyelia mengadakan ujian terhadap pelajar dan pelajar merasakan bahawa gred penilaian latihan industri seharusnya dikira sebagai Purata Nilai Gred Keseluruhan. Keseluruhan persoalan kajian lima yang bertanyakan mengenai persepsi pelajar terhadap penilaian latihan industry menunjukkan nilai min 3.78.

Perbincangan

Mengetahui persepsi pelajar terhadap penilaian latihan industri yang mereka jalani

Pada umumnya hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penyeliaan terhadap latihan industri daripada perspektif pelajar adalah tinggi. Walaupun syarat yang dinyatakan dalam Buku Log Latihan Industri Fakulti Pendidikan menyatakan bahawa pensyarah pembimbing perlu mengadakan sekurang-kurangnya tiga kali lawatan, namun rata-rata pelajar memberikan respon pensyarah mengadakan lawatan kurang daripada tiga kali lawatan. Mungkin disebabkan kurangnya lawatan daripada pensyarah penyelia, maka respon yang diberikan oleh pelajar untuk item 38 adalah sederhana. Kerana item 38 berkaitan dengan perbincangan hasil dapatan penilaian latihan industri pelajar bersama-sama pensyarah penyelia.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penilaian yang berlaku di tempat latihan industri oleh penyelia industri ataupun majikan dilaksanakan secara serius kerana nilai-nilai min yang diperolehi adalah tinggi. Item 36 menjadi bukti yang jelas bahawa penyelia industri menitikberatkan penilaian apabila seramai 49 responden bersetuju penyelia mengadakan penilaian ataupun ujian mengenai kerja yang pelajar lakukan di tempat latihan industri. Pelajar juga ramai yang bersetuju supaya gred penilaian latihan industri dikira sebagai purata nilai gred keseluruhan (PNGK).

Min daripada soalan kajian persepsi pelajar terhadap penilaian latihan industry dikategorikan sebagai tinggi dan ini membuktikan kualiti penilaian yang dilaksanakan oleh pihak universiti melalui pensyarah dan penyelia industri adalah sangat baik.

Rumusan

Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan mendapati pelaksanaan program latihan industri fakulti pendidikan berada pada tahap yang tinggi. Ini dibuktikan apabila nilai min bagi empat daripada lima persoalan kajian diletakkan pada tahap yang tinggi manakala satu lagi persoalan kajian menunjukkan tahap sederhana. Walaubagaimanapun, persoalan kajian yang berada pada tahap sederhana boleh ditingkatkan pada masa-masa mendatang dengan membaik pulih beberapa perkara dan cadangan penyelidikan diambil perhatian dan difikirkan. Secara kesuluruhannya, kesemua persoalan kajian telah terjawab melalui hasil daripada keputusan kajian yang telah dijalankan.

Rujukan

Abau A/L Endin (1999). *Keberkesanan Latihan Industri Pelajar-Pelajar 3 SPH Universiti Teknologi Malaysia Sesi 1997/1998*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Aziz Mohamed (2005), *Cara Mudah Mencari Pekerjaan*. Kuala Lumpur : PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Abdul Halim Yahya (1997). *Peranan Profesional Dalam Industri Binaan*. (Latihan ilmiah tidak diterbitkan)

Abdul Kudus Ahmad (1980). *Seminar Pengajar-Pengajar Jabatan Tenaga Rakyat Tahun 1980*. Pulau Pinang : Jabatan Tenaga Rakyat

Abu Sopian Jasin (1995). "Cabaran dan Strategi Dalam Pembentukan Guru Teknologi Bagi Menghadapi Wawasan 2020". Dalam : *Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah, Strategi Dalam Pembentukan Guru Yang Unggul*. Selangor : Nurin Enterprise; m.s 82-87.

Abdul Rani Abdul Manan. (1992). *Kajian mengenai kesesuaian latihan industri untuk pelajar kejuruteraan Awam Politeknik Ungku Omar*. Tesis Sarjana Muda , Universiti Teknologi Malaysia.

Alf Lizio dan Kethia Wilson (2004), *First Years Student's Perceptions of Capability, Studies in Higher Education*, Vol.29 no. 1. February 2004, Australia, Universiti Griffith

Buku Log Latihan Industri (2007), Fakulti Pendidikan : Universiti Teknologi Malaysia

Cantor, L. "*Vocational Education and Training In The Developed World Comparative Study Routledge.*" London And New York. 1989.